

**PUNCA DAN KEKERAPAN SALAH LAKU
DISIPLIN MURID DALAM BILIK DARJAH
SEKOLAH RENDAH KEM TENTERA
DI NEGERI SABAH**



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SITI RASHIDAH BINTI JAMAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

**PUNCA DAN KEKERAPAN SALAH LAKU DISIPLIN
MURID DALAM BILIK DARJAH SEKOLAH RENDAH
KEM TENTERA DI NEGERI SABAH**

SITI RASHIDAH BINTI JAMAL

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DESERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



SITI RASHIDAH BINTI JAMAL

PT 20068454

NOV 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Ilahi kerana saya dapat menyiapkan desertasi ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih setulus ikhlas saya kepada Puan Penyelia desertasi saya iaitu Dr. Sabariah binti Sharif yang telah banyak membantu dalam memberi ilmu baru, membimbing, membincang dan memberi semangat yang amat bermakna kepada saya di sepanjang tempoh penyempurnaan desertasi ini. Tidak lupa kepada Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial Profesor Dr. Zulkifli bin Mohamad, para penyelia, pensyarah kursus Sarjana Pengurusan Pendidikan dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan semangat secara langsung dan tidak langsung kepada saya.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga dan terima kasih kepada semua pentadbir sekolah, guru-guru dan murid-murid di sekolah-sekolah dalam kem tentera yang terlibat dalam kajian ini. Terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia, semua Kem Tentera di negeri Sabah, Staf-staf di SPPS, Pusat Sumber SPPS, Perpustakaan UMS, Perpustakaan Yayasan Sabah, Pusat Sumber DBP dan INTAN di atas kerjasama yang diberikan bagi memberi kebenaran menjadi laluan kepada saya untuk mendapatkan bahan rujukan dan maklumat yang amat bermakna bagi tujuan penyelidikan dan penyempurnaan desertasi ini.

Terima kasih atas segala pengorbanan dan kesabaran,

Suami yang tercinta,
Razul bin Hairal

Anak-anak yang disayangi,
Ras Hidayah Razidah
Rais Hilmi
Rashid Hakimi

Akhir sekali, semoga usaha-usaha penulisan ini akan dapat memberi faedah dan saya memohon maaf jika berlaku kesilapan di sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti punca dan kekerapan salah laku di bilik darjah bagi murid sekolah rendah dalam kem tentera. Kajian ini menganalisis dan mengenal pasti punca salah laku di bilik darjah berdasarkan faktor guru, faktor keluarga dan faktor murid. Kekerapan salah laku juga dikenal pasti berdasarkan tahap salah laku. Perbezaan dan hubungan punca salah laku dengan kekerapan salah laku di bilik darjah dilihat berdasarkan demografi murid iaitu kategori (antara anak tentera dengan anak awam) dan berdasarkan jantina. Korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan di antara punca salah laku dengan kekerapan salah laku disiplin di bilik darjah. Pengaruh punca terhadap salah laku juga dikenal pasti menggunakan regresi. Kajian ini dijalankan di semua sekolah rendah dalam kem tentera di negeri Sabah iaitu sebanyak empat buah sekolah. Sebanyak 110 sampel telah diuji. Berdasarkan analisa punca salah laku disiplin yang diuji secara deskriptif mendapati faktor murid (diri sendiri dan rakan sebaya) menjadi punca utama ($M=2.96; SP=.49$), faktor guru ($M=2.82; SP=.49$) dan faktor keluarga ($M=2.62; SP=.53$). Ketiga-tiga punca pada tahap sederhana. Murid lebih condong menyalahkan diri sendiri dan pengaruh rakan sebaya sebagai punca salah laku disiplin di bilik darjah. Ujian-t digunakan untuk menguji sampel tidak bersandar yang hasilnya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan punca salah laku dan kekerapan salah laku disiplin yang dilakukan baik di antara anak tentera dengan anak awam mahupun berdasarkan jantina. Hubungan punca salah laku dengan kekerapan salah laku di bilik darjah pula didapati mempunyai hubungan positif yang signifikan. Menggunakan regresi pula, dapatan yang diperolehi ialah terdapat pengaruh yang signifikan dalam aspek faktor murid terhadap salah laku disiplin di bilik darjah. Secara keseluruhannya, faktor murid, faktor guru dan faktor keluarga tetap menjadi punca kepada salah laku disiplin di bilik darjah walau pun pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya dari segi punca salah laku disiplin di bilik darjah sekolah rendah di dalam kem tentera, faktor murid perlu diberi lebih keutamaan dalam melakukan mengawal tingkah laku, manakala dari segi kekerapan salah laku disiplin di bilik darjah pula, murid lelaki perlu diberi lebih perhatian dan lebih kawalan dalam usaha menangani salah laku disiplin di bilik darjah sekolah rendah di dalam kem tentera. Malahan faktor murid juga didapati mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap salah laku disiplin di bilik darjah.

ABSTRACT

SOURCES AND FREQUENT OF PUPILS DISCIPLINE MISBEHAVIOUR IN THE CLASSROOM: SCHOOL IN ARMY CAMP IN SABAH

This study was carried out to identify the sources and frequent of misbehaviour among the pupils in the primary school in army camp. This study will analyse and identify the sources of misbehaviour in the classroom based on teacher, family and pupil factors. The frequent of misbehaviour were identified based on the level of pupils' misbehave.

The different and relationship of the sources and frequent of misbehaviour in the classroom were analysed based on the demography factor, such as category (army children and civilian children) and sex. Pearson colleration were used to identify the relationship between sources and frequent of misbehaviour in the classroom. Whereas, the regression was used to identify the factors that influence the sources of misbehave among pupils. This study was conducted in all Sekolah Rendah Kebangsaan in army camp in Sabah. There are four school involved with 110 samples were tested in this study. The sources of misbehaviour were tested descriptively and the finding showed that the pupil (self and peers) factor was the main source ($M=2.96$; $SP=.49$), teacher factor ($M=2.82$; $SP=.49$) and family factor ($M=2.62$; $SP=.53$). These three sources are in moderate level. The pupils were likely blaming themselves that caused the discipline problem in the class. t-test was used to test the independent variables and the data showed that, there were no significant different in the source of misbehavior and the frequent of misbehaviour between army children and civilian children based on sex demography. The relationship between the source and frequent of misbehaviour in the classroom is positive and significant. With the regression, the finding showed that there is significant influence in the pupils' factor with the misbehaviour in the classroom. Overall, pupils, teacher and family factors were the main source of the misbehaviour in the classroom, though, it is still in moderate level. Moreover, the pupils' factor must be put as priority in controlling pupils' behaviour. In the aspect of frequent of the misbehaviour, the boys should be more focused and controlled in order to overcome the discipline problems in the army school. The pupils' factor is also seen influencing the misbehaviour in the classroom significantly.

SINGKATAN

ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
CO	: Colonel Officer (Pegawai Memerintah)
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
KPA (AJAR)	: Kor Perkhidmatan Am (Pendidikan)
KPPK	: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
MRSM	: Maktab Rendah Sains Mara
PIPP	: Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
RSAT	: Rumah Sakit Angkatan Tentera
SDM	: Sistem Disiplin Murid
SKKLK	: Sekolah Kebangsaan Kem Lok Kawi, Penampang
SKTLDM	: Sekolah Kebangsaan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia, Kota Kinabalu
SKKTS	: Sekolah Kebangsaan Kem Tentera, Sandakan
SKKKT	: Sekolah Kebangsaan Kem Kabota, Tawau
SMM	: Sistem Maklumat Murid
SPSS	: <i>Statistical Packages For The Social Science</i>
UPSR	: Ujian Penilaian Sekolah Rendah
UPKAT	: Urusan Perumahan / Kuarters Angkatan Tentera

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
SINGKATAN	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI LAMPIRAN	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xiv

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	6
1.4	Soalan Kajian	12
1.5	Tujuan Kajian	13
1.6	Objektif Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	15
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Kepentingan Kajian	18

1.10. Definisi Operasional	
1.10.1 Salah Laku Disiplin	20
1.10.2 Punca Salah Laku Disiplin	20
1.10.3 Kekerapan Salah Laku Disiplin	21
1.10.4 Anak Tentera dan Anak Awam	21
1.10.5 Sekolah Rendah dalam Kem Tentera	22
1.11 Kesimpulan	23

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	25
2.2 Definisi Konsep	25
2.2.1 Disiplin dan Bilik Darjah	25
2.2.2 Punca Salah laku Disiplin Dalam Bilik Darjah	27
2.2.3 Salah Laku Disiplin Dalam Bilik Darjah	29
2.2.4 Perkembangan Sekolah dalam Kem Tentera	30
2.3 Teori Kajian	33
2.3.1 Salah Laku dari Perspektif Teori Behaviourisme	33
2.3.2 Analisis Isu Disiplin Berdasar Teori Sosiologi	34
2.3.3 Disiplin Pelajar dari Perspektif Teori Konflik	35
2.3.4 Disiplin pelajar dari Perspektif Teori Ekologi Manusia	36
2.3.5 Salah Laku dari perspektif Teori Fungsionalisme	37

2.3.6	Kaitan Teori Keperluan Maslow dan Salah Laku	38
2.4.	Model-Model yang Berkaitan dengan Disiplin Dalam Bilik Darjah	43
2.5	Masalah Disiplin Murid (Satu Tinjauan)	45
2.6.	Faktor Menyumbang kepada Salah Laku Disiplin Dalam bilik darjah (Satu Tinjauan)	46
2.6.1	Faktor guru dan pengurusan sekolah	46
2.6.2	Faktor Keluarga	52
2.6.3	Faktor Diri dan Pengaruh Rakan Sebaya	53
2.7	Kajian Lepas	54
2.7.1	Punca masalah disiplin	55
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	56
2.9	Kesimpulan	57

BAB 3: METODOLOGI

3.1	Pengenalan	59
3.2	Pendekatan Kajian	60
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	61
3.4	Instrumen dan Pengumpulan Data	62
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	64
3.6	Kajian Rintis	64
3.7	Prosedur Kajian	65
3.8	Analisis Kajian	67

3.8.1	Statistik Deskriptif	68
3.8.2	Statistik Inferensi	68
a.	Ujian-t	69
b.	Pekali Korelasi Pearson	70
c.	Regresi Berganda	71
3.9	Penutup	72

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	73
4.2	Profil Responden	73
4.3	Punca Salah Laku Disiplin Dalam Bilik Darjah	75
4.4	Kekerapan Salah Laku Disiplin Dalam Bilik Darjah Anak Tentera dan Anak Awam	76
4.5	Perbezaan Punca Salah Laku Disiplin Bilik Darjah antara Anak Tentera dengan Anak Awam	77
4.6	Perbezaan Punca Salah Laku Berdasarkan Jantina	78
4.7	Perbezaan Kekerapan Salah Laku Antara Anak Tentera dengan Anak awam	79
4.8	Perbezaan Kekerapan Salah Laku Disiplin Bilik darjah Antara Jantina	80
4.9	Hubungan Punca dengan Kekerapan salah Laku Disiplin Bilik Darjah	80
4.10	Pengaruh Punca Terhadap Salah Laku Disiplin	82
4.11	Kesimpulan	83

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1.	Pengenalan	84
5.2.	Rumusan Kajian	84
5.2.1	Rumusan Latar Belakang Responden	85
5.3.	Perbincangan Dapatan Kajian	86
5.3.1	Punca salah laku disiplin dalam bilik darjah di sekolah rendah dalam kem tentera	86
5.3.2	Kekerapan salah laku disiplin dalam bilik darjah di sekolah rendah dalam kem	87
5.3.3.	Perbezaan punca salah laku disiplin dalam bilik darjah antara anak tentera dengan anak awam	88
5.3.4.	Perbezaan punca salah laku disiplin dalam bilik darjah berdasarkan jantina	88
5.3.5.	Perbezaan kekerapan salah laku disiplin dalam bilik darjah antara anak tentera dengan anak awam	89
5.3.6.	Perbezaan kekerapan salah laku disiplin dalam bilik darjah berdasarkan jantina	90
5.3.7.	Hubungan punca dengan kekerapan salah laku disiplin dalam bilik darjah	90
5.3.8.	Pengaruh punca salah laku terhadap kekerapan salah laku disiplin dalam bilik darjah	91
5.4	Cadangan	92
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	95
5.6	Kesimpulan	97

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	:	Soal Selidik Kajian
Lampiran B	:	Surat Permohonan Menjalankan Kajian
Lampiran C	:	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
Lampiran D	:	Surat Pengesahan Penyemakan Soal Selidik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.2	: Teori Hierarki Keperluan Maslow	39
2.3	: Kerangka Kajian	56
3.1	: Proses Persampelan	62



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1:	Jumlah anak tentera dan anak awam	31
3.2:	Pembahagian Item (Soal Selidik)	62
3.3:	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen	65
3.4:	Carta Gantt Tindakan	67
3.5:	Nilai skor Min	68
3.6:	Nilai Korelasi	70
3.7:	Alat Statistik bagi setiap hipotesis	72
4.1:	Kategori dan Tempat Tinggal Responden	74
4.2:	Punca salah laku disiplin dalam bilik darjah	75
4.3:	Kekerapan salah laku disiplin dalam bilik darjah antara anak tentera dengan anak awam	76
4.4:	Perbezaan punca salah laku disiplin antara anak tentera dengan anak awam	77
4.5:	Perbezaan punca salah laku berdasarkan jantina	78
4.6:	Perbezaan kekerapan salah laku antara anak tentera dengan anak awam	79
4.7:	Perbezaan kekerapan salah laku berdasar jantina	80
4.8:	Hubungan punca dengan kekerapan salah laku dalam bilik darjah	80
4.9:	Pengaruh punca terhadap salah laku disiplin dalam bilik darjah	82

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Salah satu faktor yang boleh menyebabkan kegagalan ke arah kecemerlangan sesebuah sekolah adalah masalah disiplin. Masalah disiplin sering menjadi perbualan hangat dan cabaran era komunikasi abad ke-21 terhadap sistem pendidikan negara. Menurut Abdul Rahim Abd. Rashid (2007), Sistem pendidikan perlu memberi perhatian bagi meluaskan asas membentuk masyarakat yang berhemah dan beretika. Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2001), peranan sekolah amat penting dalam masyarakat kini yang mengalami pelbagai masalah sosial dan moral yang begitu mencabar dan berhadapan dengan pelbagai tuntutan baru di dunia yang semakin canggih dan moden.

Sekolah perlu menguatkan pendidikan moral dan etika untuk membentaras masalah sosial yang dihadapi. Salah laku disiplin dalam bilik darjah pula secara langsung boleh mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mok Soon Sang (1988), konsep bilik darjah tidaklah statik, tetapi sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa dengan perubahan kurikulum sekolah dan pelbagai program pendidikan oleh Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa. Oleh itu, perubahan demi perubahan ini perlu bijak ditangani oleh guru-guru selaku pengurus bilik darjah di sekolah.

Pelanggaran disiplin sering mencabar kesabaran dan kewibawaan pihak pengurusan sekolah, menguji kebolehan guru disiplin, kewibawaan guru kaunseling, pengurusan guru kelas dan guru-guru mata pelajaran dalam usaha mengawal tingkah laku murid. Cabaran ini turut dirasakan oleh semua sekolah di negara ini baik sekolah kerajaan mahu pun sekolah swasta, tidak terkecuali bagi sekolah rendah yang berada di

dalam kem tentera. Salah laku boleh berlaku di mana sahaja. Perhatian utama di sekolah ialah di dalam bilik darjah kerana di situ bukan sahaja sebagai pusat berlakunya proses pembelajaran, tetapi juga menjadi tempat murid berkumpul, berkomunikasi serta berinteraksi dengan rakan sebaya. Di bilik darjah tingkah laku murid boleh dikenal pasti.

Menurut Kamaruddin Hj Kachar (1989), disiplin mempunyai kaitan dengan proses pembelajaran. Disiplin yang kuat adalah satu daripada faktor-faktor asas kejayaan pembelajaran seseorang. Penerapan nilai yang kukuh perlu dibina sejak awal iaitu di sekolah rendah. Tetapi salah laku disiplin dalam bilik darjah selalu dipandang ringan oleh guru-guru, sedangkan fungsi keberkesanan pembelajaran dalam bilik darjah sangat penting bagi kejayaan sesebuah sekolah secara keseluruhannya.

Profesion perguruan pula merupakan 'agen' yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan bagi menghasilkan rakyat yang bersih, cekap dan amanah sebagai jentera penggerak negara di masa hadapan selari dengan dunia yang semakin canggih. Tanggung jawab guru menjadi semakin berat kerana rakyat yang hendak dihasilkan itu bukan sahaja perlu diterapkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang luas dan moden, tetapi perlu juga diseimbangkan dengan nilai sosial yang baik, bermoral serta etika yang murni. Dalam Laporan Kabinet (1979) ada menyatakan pembentukan disiplin, pertumbuhan sifat-sifat yang diingini iaitu mengenai sikap, perasaan, semangat dan sebagainya adalah lebih penting daripada penguasaan bidang ilmu semata-mata.

Keluarga dan ibu bapa juga perlu memainkan peranan dengan bijak dalam membentuk peribadi anak. Terdapat ibu bapa yang menyebelahi anak hingga mencabar kewibawaan guru dan terdapat juga ibu bapa yang mengambil jalan mudah menyerahkan 'bulat-bulat' masalah anak sepenuhnya kepada pihak sekolah. Maka timbullah persoalan dan dilema dalam kalangan guru-guru yang ibarat "ditelan mati

emek, di luah mati bapa" dalam menangani masalah disiplin ini. Masalah disiplin dalam bilik darjah adalah *'job-related stress'* iaitu faktor utama yang membebani guru-guru (Edwards, 1999).

Menurut Rashidi Azizan dalam Jurnal Jemaah Nazir (1988), pembelajaran seseorang murid dan kepuasan seseorang guru dalam pencapaian objektifnya adalah amat dipengaruhi oleh pengurusan disiplin bilik darjah yang berkesan. Para guru adalah merupakan 'agen' yang dipertanggungjawabkan bagi menghasilkan modal insan yang progressif dan inovatif untuk generasi masa depan yang mempunyai sahsiah yang tinggi sebagai jentera penggerak negara yang bersih, cekap dan amanah. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengutamakan keseimbangan murid dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

1.2 Latar Belakang Kajian

Salah laku dalam bilik darjah kurang dilaporkan kerana dianggap perkara kecil, remeh-temeh yang tidak perlu direkod. Sedangkan di situlah bermulanya 'penyakit' masalah disiplin yang akan membesar dalam dunia pendidikan jika dibiarkan tanpa diberi 'ubat' yang sesuai. Datuk Noh Omar ketika menjadi Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia mengatakan bahawa gejala sosial murid adalah kes terpencil dan hanya 2% dari keseluruhan murid di negara ini terbahit dengan gejala sosial antara 2004 hingga akhir 2006 (dipetik dari Berita Harian bertarikh 2 April 2007). Ini bermaksud masalah sosial murid di negara kita masih di tahap yang rendah dan kita perlu terus mengawalinya.

Berita terbaru (Laporan oleh Adha Ghazali, S.Anand Kumar dalam Berita Harian, Sabtu 18 Oktober 2008) yang mengejutkan negara terutama dunia pendidikan ialah kejadian seorang guru perempuan di Kangar, Perlis yang telah dibelasah di bilik darjah oleh dua orang pelajar perempuan Tingkatan Dua yang telah memukul dan menendang

perut guru tersebut. Guru terbabit membuat laporan polis dan pelajar yang terlibat digantung sekolah selama seminggu. Berdasarkan berita itu, Datuk Seri Hishamuddin Hussein (Menteri Pelajaran Malaysia) mengeluarkan kenyataan bahawa beliau marah dan tidak akan berkompromi dengan pelajar yang kurang ajar dan biadap terhadap guru. Insiden itu berlaku dalam bilik darjah di sebuah sekolah menengah.

Berita seperti ini jelas membuktikan kepada kita bahawa salah laku disiplin dalam bilik darjah adalah perkara serius yang perlu ditangani sejak awal di sekolah rendah dan diberi perhatian yang berterusan hingga di sekolah menengah oleh pihak pengurusan sekolah, guru-guru, kerjasama ibu bapa serta sokongan dari Kementerian Pelajaran. Masalah disiplin perlu terus dikenal pasti tahap dan puncanya agar langkah-langkah mengatasi dapat diambil untuk penambahbaikan pengurusan disiplin yang berterusan.

Datuk Seri Najib Tun Razak (1996) berkata, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan tiap-tiap sekolah di Malaysia perlu ditempatkan sekurang-kurangnya dua orang kaunselor sepenuh masa bagi menangani masalah pelajar dari sudut akademik dan sahsiah termasuk masalah peribadi pelajar. Usaha kerajaan ini menggambarkan betapa pentingnya usaha mengawal disiplin murid yang kini seperti api dalam sekam atau duri dalam daging dalam dunia pendidikan di negara kita. Unit kaunseling dan unit disiplin diharap dapat membantu guru-guru menangani salah laku murid dalam bilik darjah yang sering menjadi satu tekanan dan dilema hingga benar-benar menguji kesabaran juga keimanan seseorang insan bergelar guru.

Salah laku dalam bilik darjah sering dipandang ringan oleh guru-guru sedangkan sebenarnya di situlah puncanya kepada masalah lebih besar yang boleh mempengaruhi tingkah laku, sahsiah dan pencapaian murid. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan ada melakukan satu kajian tentang "Status Sekolah-Sekolah di dalam Kem

Tentera” pada tahun 1993 dan mendapati masalah disiplin murid di sekolah-sekolah dalam kem tentera pada masa itu adalah di tahap minima dan terkawal. Dalam penyelidikan itu disarankan supaya sekolah di dalam kem di buka kepada anak awam. Kini pada tahun 2008, secara keseluruhannya didapati jumlah anak awam mengatasi jumlah anak tentera di sekolah rendah dalam kem tentera di negeri Sabah.

Anak tentera dengan anak awam di sekolah dalam kem kini bersaing antara satu sama lain melalui pelbagai sudut, latar belakang dan pencapaian. Dalam usaha ke arah persaingan yang sihat ini, tingkah laku murid perlu dikawal dengan baik oleh guru. Kurang kawalan disiplin oleh guru akan menyebabkan timbul pelbagai salah laku dalam bilik darjah. Salah laku dalam bilik darjah boleh mengakibatkan proses pengajaran guru terganggu, guru kehilangan banyak masa dengan menegur, menasihati dan mengenakan denda dalam masa pembelajaran yang terhad dalam bilik darjah. Masalah disiplin dalam bilik darjah yang tidak dapat ditangani dengan berkesan, seolah-olah menggambarkan guru tidak bersedia dan kurang pengetahuan berkaitan dengan masalah disiplin di bilik darjah (Tulley dan Chiu, 1995 dalam Rosmadi Ahmad, 2005)

Proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah perlu diberi keutamaan agar berjalan lancar tanpa gangguan demi memastikan tingkah laku murid dapat dikawal dengan baik. Kajian terdahulu mendapati punca salah laku disiplin berakar umbi daripada masalah tingkah laku yang tidak terkawal dalam bilik darjah. Biasanya murid yang berjaya adalah daripada mereka yang berdisiplin dalam akademik dan sahsiahnya. Menurut Balson (1992), proses pengajaran dan pembelajaran hanya akan berkesan sekiranya tingkah laku pelajar dapat dikawal. Guru selaku pengurus bilik darjah perlu peka menyahut usaha kerajaan untuk menjana modal insan kelas pertama seperti yang diharapkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dengan pernyataan berikut:

'Pengurusan bilik darjah yang berkesan adalah sebenar-benarnya pemangkin kecemerlangan anak-anak didik sebagaimana yang diimpikan semua pihak untuk bersaing dalam pendidikan global masa kini seterusnya hasrat melahirkan modal insan kelas pertama akan tercapai'.

(Pelan Induk Pembangunan Pendidikan –PIPP 2006–2010)

Salah laku disiplin murid dalam bilik darjah perlu diberi keutamaan bagi mencapai kecemerlangan sesebuah sekolah secara seimbang dan menyeluruh. Sekolah-sekolah yang berada di dalam kem ini sebenarnya berpotensi tinggi untuk pergi lebih jauh ke arah melahirkan modal insan yang seimbang dan cemerlang. Penyelidik berpendapat demikian kerana sekolah-sekolah rendah di dalam kem tentera bertuah lantaran mendapat perhatian, sokongan serta kerjasama dari Kementerian Pertahanan. Kelebihan dan peluang ini tidak boleh dilepaskan begitu sahaja dan perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha mencapai kecemerlangan sekolah.

Sekolah di dalam kem mendapat perhatian dari dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertahanan yang sentiasa bersama-sama memantau kebajikan dan prestasi akademik murid, memberi kemudahan-kemudahan, menjaga persekitaran yang selamat dan suasana disiplin ketenteraan yang boleh menjadi contoh kepada sekolah. Amat merugikan sekiranya masalah salah laku disiplin dalam bilik darjah yang 'dianggap kecil' ini akan menjadi penghalang kepada potensi kecemerlangan sekolah di dalam kem tentera secara keseluruhannya.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Tingkah laku yang terbentuk adalah hasil proses pembelajaran dan evolusi persekitaran. Tabiat manusia menjadi masalah apabila mereka menerima pembelajaran dan persekitaran yang salah. Kajian ini dibuat berasaskan senario latar belakang sekolah dan

persekitaran responden yang mempunyai kaitan sebagai faktor menyumbang salah laku disiplin di bilik darjah bagi anak tentera dan anak awam di sekolah dalam kem tentera. Persekitaran sekolah, latar belakang dan pengalaman sedia ada murid-murid di sekolah dalam kem tentera agak berbeza jika dibandingkan dengan sekolah di luar kem tentera.

Sekolah di dalam kem tentera berada dalam kawasan larangan kerajaan dan jauh dari pengaruh sosial. Berdasarkan rekod SDM (Sistem Disiplin Murid) dan temu bual dengan pihak sekolah, didapati antara 80% hingga 85% salah laku murid berlaku dalam bilik darjah. Salah laku disiplin dalam bilik darjah seperti bergaduh, buli, ugut, melawan guru, membuat bising, tidak menyiapkan tugas, mengganggu kawan, mencarut, ponteng kelas dan sebagainya kerap terjadi dan kekerapan salah laku dalam bilik darjah akan terus meningkat jika tidak dikawal dan diurus dengan baik oleh guru.

Gejala dalam bilik darjah berkait rapat dengan pengurusan guru di bilik darjah. Oleh kerana semua guru adalah merupakan guru disiplin, maka amat perlu mempunyai pengetahuan tentang peraturan pengurusan disiplin dan guru tidak perlu teragak-agak mengambil tindakan sepatutnya yang berkesan untuk mengawal disiplin dalam bilik darjah. Guru juga perlu menjaga nama baik profesion keguruan agar dihormati oleh murid-murid dengan mematuhi peraturan-peraturan berdasarkan akta perkhidmatan dan pekeliling-pekeliling yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran. Masih berlaku salah laku disiplin dalam kalangan guru sendiri yang perlu diperbaiki terlebih dahulu sebelum menjadi '*role-model*' kepada murid-murid kerana sikap guru yang bertentangan boleh menjadi punca salah laku murid. Keadaan ini perlu sering dipantau, dinilai dan diambil tindakan oleh pentadbir dengan tegas, berhemah dan profesional.

Bebanan tugas guru yang tidak seimbang juga boleh menjejaskan proses pembelajaran. Menurut Balson (1992) hanya 20% sahaja masa guru mengajar dan

80% lagi untuk mengawal tingkah laku pelajar. Ini belum lagi dikira masa guru membuat tugas lain di dalam kelas kerana bebanan tugas sampingan yang perlu disegerakan. Pembahagian tugas yang tidak seimbang juga menjadi faktor penyebab objektif yang diharapkan dalam rancangan mengajar tidak tercapai oleh guru. Oleh itu, ramai guru yang tidak dapat mengawal disiplin dan mengurus bilik darjah dengan berkesan sebagaimana sepatutnya.

Dari segi pengurusan pula, budaya 'Sekolah Penyayang' masih kurang diamalkan. Sekolah atau bilik darjah adalah 'rumah ke dua' bagi murid. Majoriti murid anak tentera yang tinggal di dalam kem akan selalu kesunyian di rumah ditinggalkan ayah yang kerap pergi bertugas. Murid akan malas dan tidak bermotivasi ke sekolah jika keseronokan dan keceriaan yang diharapkan tiada di sekolah. Iklim bilik darjah yang suram, guru kurang mengamalkan komunikasi interpersonal, pengajaran guru tidak menarik dan kekerapan masalah disiplin dalam bilik darjah menjadikan murid tidak selesa, takut dan bosan untuk ke sekolah. Ini kerana sekolah dan bilik darjah yang ceria akan membuat pelajar menyayangi sekolah mereka (Omardin Ashaari, 1998). Konsep sekolah penyayang perlu disemai di sekolah. Di bilik darjah yang tidak ditampal peraturan-peraturan berserta hukuman yang digariskan tidak dapat mengingatkan murid akan batas-batas serta tata-susila yang perlu dipatuhi.

Berdasarkan temu bual dengan guru kaunseling di sekolah, didapati murid yang mendapatkan khidmat kaunseling setiap tahun, 60% hingga 90% murid mempunyai masalah pembelajaran seperti tidak dapat memberi tumpuan dan tidak selesa belajar kerana gangguan salah laku disiplin murid-murid lain di dalam kelas, kelancaran pengajaran guru juga terjejas. Murid-murid perempuan yang menemui guru kaunseling dan guru kelas sering mengadu tentang bilik darjah yang bising, tentang murid lelaki